



## جدوال وقت سمبهيغ

FEBRUARI 2024

REJAB 1445H - SYA'BAN 1445H

رجب ١٤٤٥هـ - شعبان ١٤٤٥هـ

Hari	Masihi	Hijrah	الصبح	الشروق	الظهر	العصر	المغرب	العشاء
			Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isya'
Khamis	1	20	6.00	7.37	12.19	2.25	4.52	6.28
Jumaat	2	21	5.58	7.35	12.19	2.27	4.54	6.29
Sabtu	3	22	5.57	7.34	12.19	2.28	4.56	6.30
Ahad	4	23	5.55	7.32	12.19	2.29	4.58	6.32
Isnin	5	24	5.53	7.30	12.20	2.31	4.59	6.32
Selasa	6	25	5.52	7.29	12.20	2.32	5.01	6.34
Rabu	7	26	5.50	7.27	12.20	2.34	5.03	6.35
Khamis	8	27	5.48	7.25	12.20	2.35	5.05	6.37
Jumaat	9	28	5.47	7.24	12.20	2.37	5.07	6.38
Sabtu	10	29	5.45	7.22	12.20	2.38	5.09	6.40
Ahad	11	1	5.43	7.20	12.20	2.40	5.10	6.41
Isnin	12	2	5.41	7.18	12.20	2.41	5.12	6.43
Selasa	13	3	5.39	7.16	12.20	2.42	5.14	6.44
Rabu	14	4	5.37	7.14	12.20	2.44	5.16	6.46
Khamis	15	5	5.36	7.13	12.20	2.45	5.18	6.48
Jumaat	16	6	5.34	7.11	12.20	2.47	5.20	6.50
Sabtu	17	7	5.32	7.09	12.20	2.48	5.21	6.50
Ahad	18	8	5.30	7.07	12.20	2.49	5.23	6.52
Isnin	19	9	5.28	7.05	12.20	2.51	5.25	6.54
Selasa	20	10	5.26	7.03	12.19	2.52	5.27	6.56
Rabu	21	11	5.24	7.01	12.19	2.53	5.29	6.57
Khamis	22	12	5.22	6.59	12.19	2.55	5.30	6.58
Jumaat	23	13	5.20	6.57	12.19	2.56	5.32	7.00
Sabtu	24	14	5.18	6.55	12.19	2.57	5.34	7.02
Ahad	25	15	5.16	6.53	12.19	2.59	5.36	7.03
Isnin	26	16	5.13	6.50	12.19	3.00	5.38	7.05
Selasa	27	17	5.11	6.48	12.18	3.01	5.39	7.06
Rabu	28	18	5.09	6.46	12.18	3.03	5.41	7.08
Khamis	29	19	5.07	6.44	12.18	3.04	5.43	7.09



**Is'ra Mi'raj 1445H**

(Hari Khamis, 08 Februari 2024M bersamaan 27 Rejab 1445H)



**Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-40 Tahun**

(Hari Jumaat, 23 Februari 2024M bersamaan 13 Sya'ban 1445H)

### TAUBAT

Sesungguhnya peristiwa Isra' dan Mi'raj mengandungi makna yang mendalam dan mempunyai maksud yang luas dan lebih umum, bukannya hanya satu sejarah agung yang menjadi ristaan sepanjang zaman. Ia merupakan suatu gambaran beberapa aspek penting dalam kehidupan manusia hari ini dan mengandungi pelbagai pengajaran serta contoh tauladan. Antaranya ialah mengenai kepentingan membersihkan atau mensucikan jiwa atau rohani.

Adapun yang dimaksudkan dengan pembersihan rohani di sini ialah dengan taubat. Ini kerana tuntutan agama supaya kita sentiasa bertaubat. Sesungguhnya hukum bertaubat itu adalah wajib. Kita wajib segera bertaubat daripada segala dosa yang telah kita lakukan.

Contohnya orang yang selalu meninggalkan sembahyang fardhu lima waktu, orang yang tidak berpuasa pada bulan Ramadhan, orang yang pernah mencuri, minum arak dan sebagainya, hendaklah dia segera bertaubat. Tidak boleh dia berkata seperti: "Nantilah kalau sudah tua saya bertaubat." Atau dia berkata "Nantilah saya bertaubat di depan kaabah."

Sebab diwajibkan segera bertaubat itu adalah kerana jika dia melalai-lalakan taubat, ditakuti usia tidak panjang dan dijemput ilahi sebelum sempat bertaubat. Firman Allah SWT dalam surah At-Tahrim **"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kepada Allah dengan taubat nasuha..."**

Berdasarkan ayat tersebut, Allah SWT telah memerintahkan kita untuk bertaubat dengan taubat yang sebenar-benar taubat, bukannya taubat yang sekadar di mulut sahaja, tetapi taubat yang sungguh-sungguh iaitu taubat nasuha. Taubat nasuha itu ada syarat-syaratnya, jika dosa itu antara hamba dengan Tuhan, syaratnya ada tiga:

**Pertama:** Hendaklah dia meninggalkan dosa atau maksiat yang telah dilakukannya.

**Kedua:** Hendaklah dia benar-benar menyesali dan merasa dukacita atas perbuatan maksiat itu.

**Ketiga:** Hendaklah dia berjanji, berazam untuk tidak akan kembali melakukannya.

Manakala jika dosa itu bersangkutan paut dengan hak orang lain, maka syaratnya ditambah satu syarat, iaitu hendaklah dipulangkan semula hak orang itu dan meminta maaf kepada orang tersebut.

Peranan taubat itu juga merupakan suatu cara untuk kita sentiasa berlindung diri kepada Allah SWT, memohon keberkatan dalam sesuatu pekerjaan yang berfaedah dan mengharapkan kurniaan taufiq serta diselamatkan daripada ditimpa musibah, kesusahan dan seumpamanya.

Petikan Khutbah Jumaat 23 Februari 2023